

Projek kunci air terbengkalai

Penduduk resah hasil tanaman rosak, air melimpah ke kebun

SABAK BERNAM

Penduduk yang kebanyakannya petani di sini, resah apabila tidak dapat menikmati hasil tanaman disebabkan projek kunci air di Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar yang dijangka siap 7 Januari 2013 terus mendatangkan masalah.

Penduduk, Abd Khalim Mahmud Mohamad Isahak, 36, berkata, projek itu menyebabkan air yang sepatutnya disalurkan ke laut memenuhi parit dan melimpah ke kebun.

Menurutnya, kebanyakan tanaman tidak menjadi kerana terendam terlalu lama menyebabkan akar pokok mati dan hasil rosak.

"Tanaman pisang yang baru hendak mengeluarkan buah rosak dan menyebabkan saya tidak dapat menuai

hasilnya setelah berhabis modal untuk bertani.

"Ia menjejaskan pendapat saya untuk menyara keluarga apabila hasil tanaman musnah begitu sahaja disebabkan limpahan air berpunca daripada pembinaan projek itu yang terbengkalai," katanya.

Abd Khalim berkata, kekecewaan demi kekecewaan termauklah mengemukakan masalah itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk tindakan lanjut memandangkan ia menjejaskan ekonomi ramai penduduk yang bergantung sumber pendapatan dengan pertanian.

Bagaimanapun, katanya, pihak bertanggungjawab seolah-olah lepas tangan apabila beralasan keadaan itu tidak kritikal dan masih terkawal.

"Persoalannya adakah pi-

hak berkenaan hendak menunggu sehingga keadaan kritikal baru nak bertindak?

"Kalau tunggu kritikal baru hendak bertindak, rasanya sudah terlambat," katanya.

Menurutnya, masalah itu turut disuarakan kepada Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (Dun) Sungai Air Tawar untuk membantu mencari penyelesaian.

"Malangnya sehingga kini tiada tindakan memadai diambil dalam mencari penyelesaian menyebabkan penduduk khususnya petani terpaksa berdepan masalah sama setiap kali musim tengkujuh.

"Apa yang kita harapkan, pemimpin sama ada Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan dapat memberi perhatian serius dan bekerjasama menyelesaikan masalah ini se-



Keadaan kunci air yang difahamkan terbengkalai dan merunsingkan penduduk.

hingga projek berkenaan siap nanti," katanya.

Difahamkan, satu kunci air kecil dibuka untuk menangani masalah limpahan air, namun

ia bukanlah langkah berkesan kerana masih banyak kebun yang masih digenangi air ketika musim tengkujuh ini.

Mereka menggesa pihak

bertanggungjawab segera mengepam air dari parit untuk disalurkan ke laut bagi mengelakkan limpahan terus berlaku dan banjir segera surut.